



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

MAKLUMAN PINDAAN WAKTU OPERASI PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) DI SELURUH NEGARA MULAI 22 JANUARI 2019

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini, Kementerian Kewangan (MOF) telah menetapkan waktu operasi Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformation Centre* atau UTC) seluruh negara dari 8.00 pagi hingga 7.00 petang. Walau bagaimanapun, maklum balas yang diterima daripada orang awam memohon supaya operasi UTC di beberapa lokasi tertentu dibuka sehingga 10.00 malam. MOF telah mengkaji kesesuaian UTC yang boleh melaksanakan waktu operasi tersebut dan menetapkan tujuh buah UTC yang terletak di dalam pusat membeli-belah untuk dilewatkan waktu operasinya.

Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa **mulai 22 Januari 2019**, waktu operasi UTC seluruh negara adalah ditetapkan seperti berikut:

UTC	Waktu Operasi*	
	(Hari Bekerja)	** (Hujung Minggu)
Shah Alam, Selangor Keramat, Kuala Lumpur Seremban, Negeri Sembilan	Isnin – Khamis 1.00 t/hari – 10.00 malam Rehat 7.00 petang – 8.00 malam Jumaat 2.45 petang – 10.00 malam	Sabtu – Ahad 8.00 pagi – 5.00 petang
Alor Setar, Kedah Johor Bahru, Johor Kota Bharu, Kelantan Kuala Terengganu, Terengganu	Ahad – Khamis 1.00 t/hari – 10.00 malam Rehat 7.00 petang – 8.00 malam	Jumaat – Sabtu 8.00 pagi – 5.00 petang

Kota Kinabalu, Sabah Keningau, Sabah WP Labuan Tawau, Sabah	<p style="text-align: center;">Isnin – Ahad 8.00 pagi – 5.00 petang</p> <p style="text-align: center;">Solat Jumaat 11.30 pagi – 2.00 petang</p>
Kuching, Sarawak Miri, Sarawak Sibu, Sarawak	<p style="text-align: center;">Isnin – Ahad 8.00 pagi – 5.00 petang</p> <p style="text-align: center;">Solat Jumaat 11.45 pagi – 2.15 petang</p>
Kangar, Perlis Sungai Petani, Kedah Ipoh, Perak Pudu Sentral, Kuala Lumpur Sentul, Kuala Lumpur Bandaraya Melaka, Melaka Pasir Gudang, Johor Kuantan, Pahang	<p style="text-align: center;">Isnin – Ahad 8.00 pagi – 5.00 petang</p> <p style="text-align: center;">Solat Jumaat 12.15 t/hari – 2.45 petang</p>

Pertukaran waktu operasi ini turut dibuat **sebagai langkah penjimatan perbelanjaan Kerajaan**. Namun begitu, **UTC tetap beroperasi selama tujuh (7) hari seminggu kecuali cuti umum** bagi memudahkan orang awam mendapatkan perkhidmatan Kerajaan. Waktu operasi UTC akan dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan permintaan rakyat dipenuhi dan pada masa yang sama perbelanjaan Kerajaan dibuat secara efisien tanpa pembaziran waktu dan tenaga.

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PUTRAJAYA

12 JANUARI 2019